



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

22 APRIL 2024 (ISNIN)

Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2024

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	9	22 April

Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2024

DVS ajak orang ramai meriahkan MAEPS, serta aktiviti menarik

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI SHAH ALAM

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengajak orang ramai meriahkan sambutan Hari Veterinar Sedunia (HVS) 2024 yang akan berlangsung di Laman Ternakan (MAEPS), Serdang bermula 25 hingga 28 April ini. Menyediakan pelbagai aktiviti menarik yang pastinya mengujakan para pengunjung, sambutan HVS 2024 menurut Ketua Pengarah DVS, Dr Akma Ngah Hamid, adalah untuk menghargai sumbangan veterinaran-veterinarwan dalam memastikan kesihatan dan kebajikan haiwan terpelihara sekali gus memastikan kesejahteraan serta keharmonian di antara manusia dan haiwan dicapai.

Malah, sumbangan veterinarwan itu katanya, merangkumi usaha memastikan jaminan dan keselamatan makanan berasaskan ternakan mencukupi, mengawal penyakit berjangkit daripada haiwan (zoonotik) merentasi sempadan selain menyelamatkan haiwan.

Pada masa sama, HVS 2024 turut merangkumi usaha memupuk kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab, ihsan serta rasa kasih sayang terhadap haiwan selain menambah baik perkhidmatan veterinar di bawah DVS.

"Justeru, adalah menjadi harapan supaya sambutan HVS 2024 ini mampu mendekatkan lagi hubungan DVS dengan masyarakat.

"Selain itu, sambutan ini sekali gus dapat mempromosi perkhidmatan, insentif yang ditawarkan oleh kerajaan dalam menggalakkan lagi perkembangan bidang penternakan sebagai salah satu sumber jaminan makanan negara," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



DR AKMA

Aktiviti menarik

Tambah Akma, antara aktiviti menarik yang disediakan DVS sempena program HVS 2024 ialah pameran dan pertandingan kucing, Meow Fiesta dan Kebuniti Ternakan yang melibatkan pameran unggas (ayam katik, serama, ayam kampung dan lain-lain).

Malah, pengunjung juga katanya boleh mengambil peluang membawa 'si bulus' kesayangan masing-masing untuk didandan, menjalani pemeriksaan kesihatan serta mendaftarkan identifikasi haiwan peliharaan (pet passport).

Pada masa sama, pengunjung juga boleh mendapatkan khidmat prosedur pemandulan haiwan peliharaan mereka



Sumbangan veterinarwan merangkumi usaha mengawal penyakit berjangkit zoonotik merentasi sempadan.

yang dijalkan oleh pakar-pakar veterinar bertauliah.

"Kita juga adakan showcase perkhidmatan veterinar, teknologi penternakan serta pavillion antarabangsa yang menampilkan pelbagai produk berasaskan ternakan keluaran 20 usahawan dari Indonesia seperti susu, keju, mentega dan barangan kulit.

"Turut diadakan demonstrasi pembuatan mentega selain perkongsian bual bicara konstruktif bersama para usahawan menerusi Sesi Teh Tarik," jelasnya yang mana pengunjung juga berpeluang mendapatkan produk makanan,

peralatan serta ternakan pada harga menarik sempena HVS 2024.

Akma memberitahu, HVS 2024 yang bertemakan "Veterinarians Are Essential Health Workers" (Veterinarwan Adalah Pekerja Kesihatan Penting) itu turut mempamerkan pelbagai baka lembu bersaiz besar antaranya dari jenis Charolais, Belgian Blue, Limousine, Blonde dan Brahman selain pelbagai varieti kambing dari jenis Kalahari, Boer, Anglo Nubian dan Katjang.


"Menariknya, kita akan bawakan Sonchai, kerbau baka Murah berwarna hitam yang jinak, pengunjung boleh merasai pengalaman membeli dan bergambar bersama Sonchai di MAEPS nanti," ujarnya.

Profesion veterinar


Dalam pada itu, Akma menyifatkan veterinarwan merupakan profesion penting yang mana haiwan juga memerlukan rawatan ketika sakit, sama seperti manusia.

"Veterinarwan bukan hanya merawat satu jenis spesies (haiwan) sahaja, tapi pelbagai spesies di darat, laut dan udara yang mempunyai anatomi dan fisiologi berbeza.

"Bahkan menjadi seorang veterinarwan sangat mencabar apabila merawat pesakit yang tidak boleh berkata-kata. Di sinilah mereka perlu menggunakan ketajaman deria mereka untuk membuat penilaian sebelum menentukan bentuk rawatan yang diberikan," katanya.



Pendaftaran pet passport turut disediakan sempena HVS 2024 di MAEPS, Serdang.



Bidang veterinar menjadi elemen penting dalam memastikan jaminan makanan berasaskan ternakan selamat untuk keperluan masyarakat global.

HARI VETERINAR SEDUNIA 2024

WORLD VETERINARY DAY
25 - 27 APRIL 2024
28 APRIL 2024

2020 MALAYSIA - 2025 MALAYSIA

LAMAN TERNAKAN MAEPS SERDANG

AKTIVITI MENARIK yang diadakan

- Showcase Teknologi Ternakan
- Showcase Perkhidmatan Veterinar
- Pameran Baka-Baka Lembu dan Kambing
- Pameran Baka-Baka Unggas
- Pertandingan Sempunan
- Meow Fiesta
- Pertandingan Perkhidmatan Kucing dan Haiwan Eksotik
- Program Pamandulan Kucing
- Pet Passport
- Fiesta Makanan
- Light On The Farm
- Jualan produk / perkhidmatan / pameran haiwan kesayangan
- Jualan produk / perkhidmatan / pameran haiwan kesayangan
- Pasar Sarnak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	17	22 April

6 lembu mati dibaham harimau

"Saya kemudian pulang ke rumah dan pergi semula ke kebun pada tengah hari untuk sekali lagi memeriksa kawasan serta mencari lembu yang ditinggalkan," katanya.

Abd Muien berkata, beliau kemudian menjumpai satu demi satu bangkai semua enam lembu yang ditinggalkannya.

Katanya, lembu terbabit dipercayai mati dibaham harimau kerana menjumpai kesan tapak kaki dan kedengaran bunyi ngamun 'pak belang' apabila beliau meletakkan mercun di kawasan kebun, selepas menemui bangkai berkenaan.

Beliau berkata, penduduk mendakwa ternampak tiga harimau berkeliaran di kawasan itu, dipercayai seekor harimau betina dan jantan dewasa serta anak harimau.

"Ada bangkai lembu ternakan saya itu dijumpai dalam keadaan tidak lengkap, manakala sebahagian lagi masih sempurna dengan hanya terdapat kesan gigitan pada bahagian leher dan anggota badan lain.

"Kalau melihat kepada kecederaan pada bangkai lembu itu, nampaknya seperti harimau cuba mengajar anaknya memburu ke-

rana jika ia benar-benar lapar, sudah tentu bangkai berkenaan hanya tinggal rangka," katanya.

Abd Muien mendakwa kejadian itu bukan kali pertama berlaku, malah sudah lebih 20 lembu ternakan penduduk di kampung terbabit mati dibaham harimau, termasuk dua kes yang berlaku sebelum dan ketika Ramadan lalu.

"Beberapa aduan sudah dibuat kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).


"Anggota PERHILITAN juga sudah datang membuat pemantauan," katanya.

Tense tempak gajah liar

Selain harimau, beliau berkata, ada penduduk kampung yang turut mendakwa pernah terserempak dengan gajah liar ketika mahu ke kebun.

Katanya, penduduk yakin haiwan berkenaan muncul dalam kawasan penempatan penduduk berikutan habitat mereka diganggu dengan pelbagai aktiviti.

Sementara itu Pengarah PERHILITAN Terengganu, Loo Keang Seong, berkata pihaknya mendedapati memang ada kelibat harimau di kawasan kampung terbabit dan



Bangkai lembu disyaki dibaham harimau ditemui di kebun milik penduduk di Kampung Kemat, Kuala Berang, kelmarin. (Foto ihsan Abd Muien)

perangkap sudah dipasang.

"Kita (PERHILITAN) sudah menasihati penduduk kampung tidak membiarkan haiwan ternakan berkeliaran, terutama yang tinggal berdekatan hutan.

Lelaki rugi lebih RM10,000 ternakan dalam pagar elektrik jadi korban haiwan liar

Oleh Nazdy Harun
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Enam ekor lembu mati dipercayai dibaham harimau dan penternak kerugian lebih RM10,000 dalam kejadian di Kampung Kemat, di sini, kelmarin.

Abd Muien Shafie, 41, mendakwa lembu berkenaan ditempatkan di kawasan pagar elektrik dalam kebun seluas 2.2 hektar tiga hari lalu, namun mendapati hanya ada dua haiwan berke-

naan. Selepas melihat lembu berkenaan seolah-olah dalam ketakutan, katanya, beliau mengambil keputusan meronda di kawasan kebun sebelum terhidu bau bangkai, tetapi masih tidak menemui haiwan ternakan yang dicari itu.

Hanya Tinggal Rangka

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	7	22 April



SALAH satu bangkai lembu ternakan yang ditemui di Kampung Kemat, Hulu Terengganu kelmarin.

Enam lembu ternakan dibaham harimau belang

Hanya tinggal rangka

Oleh NOOR HAYATI MAMAT

HULU TERENGGANU – Seorang penternak kerugian RM10,000 apabila enam daripada lapan ekor lembu bersaiz sederhana peliharaannya mati dipercayai dibaham tiga ekor harimau belang dalam kejadian di Kampung Kemat di sini kelmarin.

Abd. Muien Shafie, 41, berkata, dia menemui bangkai kesemua lembu itu di dalam kawasan ladang miliknya seluas empat hektar ketika datang untuk membuat tinjauan pada pukul 10 pagi.

Katanya, dia mengesyaki sesuatu tidak kena apabila tercium bau busuk sebaik memasuki ladang yang menjadi lokasi lapan ekor lembunya dipelihara.

"Mula-mula saya jumpa dua ekor lembu yang masih hidup. Tidak lama kemudian saya jumpa pula bangkai enam haiwan ternakan yang hilang bergelimpangan

di sekitar kawasan ladang.

"Keadaannya sangat mengerikan dengan sebahagiannya hanya tinggal rangka dan fizikalnya tidak sempurna. Ada yang mati dengan kesan terkaman pada leher sahaja," katanya ketika ditemui di Kampung Kemat di sini semalam.

Menurut Abd. Muien, lebih mencemaskan, dia turut terdengar bunyi ngauman tidak jauh dari lokasi penemuan bangkai haiwan ketika melakukan tinjauan di situ.

Tambahnya, serangan harimau belang itu bukan pertama kali berlaku kerana lebih 20 ekor lembu ternakan milik penternak lain di kampung tersebut turut menjadi mangsa sejak setahun lalu.

"Kali terakhir ia berlaku Ramadan lalu apabila dua ekor lembu penternak lain di sini mati dibaham harimau. Kami percaya

lembu itu diserang oleh tiga ekor harimau yang masih berkeliaran di kawasan hutan berdekatan kampung," katanya.

Ujar Abd. Muein, sebelum ini mereka telah mengambil inisiatif memasang pagar elektrik di kawasan ladang peliharaan lembu, namun ia kurang berkesan.

Katanya, serangan harimau belang itu juga sudah dimaklumkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri.

"Bagaimanapun, setakat ini, haiwan liar terbabit masih gagal ditangkap sebaliknya terus menyerang ternakan sehingga menakutkan kami penduduk kampung," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Terengganu Loo Kean Seong berkata, pihaknya telah memasang perangkap untuk menangkap harimau itu sebaik menerima laporan.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR